



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

MPP3 2022
TASAWWUR ISLAM
5226/1

NOVEMBER 2022
2 ½ jam

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian.
2. **Bahagian A** mengandungi **20 soalan** yang mesti dijawab oleh calon.
3. **Bahagian B** mengandungi 6 **soalan**. Pilih **4** soalan sahaja.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Disediakan Oleh:
PANEL AKRAM TASAWWUR ISLAM
NEGERI TERENGGANU

Kertas soalan ini mengandungi **7** halaman bercetak

BAHAGIAN A (20 MARKAH)**Soalan 1 hingga Soalan 4**

Lengkapkan pernyataan berikut dengan memilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Khilafah	Al- Quran	Waqi'iyah	Ibadat	Ihsan	Khalifah
----------	-----------	-----------	--------	-------	----------

☐ 1

- 1 _____ akan mendorong manusia untuk sentiasa mempertingkatkan kualiti ibadah dan pekerjaan.

☐ 1

- 2 _____ ialah agama praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.

☐ 1

- 3 Wahyu memastikan kesahihan _____ yang dilaksanakan manusia agar bertepatan dengan kehendak syarak.

☐ 1

- 4 _____ merupakan sistem pemerintahan Islam yang dinaungi oleh seseorang pemimpin Islam yang adil, taat dan patuh kepada syariat Allah SWT.

Soalan 5 hingga soalan 8

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

☐ 1

- 5 Mesyuarat yang dijalankan bagi melakukan pertimbangan dan membuat keputusan berdasarkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

☐ 1

- 6 Panduan Islam bagi individu yang diberikan amanah untuk mentadbir dan mengurus sebuah organisasi.

☐ 1

- 7 Boleh berubah mengikut kesesuaian namun masih tetap pada prinsip asasnya.

☐ 1

- 8 Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan.

Soalan 9 dan 10

Tentukan pernyataan berkenaan kesalahan dan hukuman dalam diat dengan menandakan **(S)** atau **(T)** dalam ruangan yang disediakan.

S	Diat Ringan	T	Diat Berat
----------	--------------------	----------	-------------------

9 Membunuh dengan tidak sengaja

☐
☐

10 Membunuh dengan tidak sengaja tetapi seolah-olah sengaja.

☐
☐
Soalan 11 dan 12

Lengkapkan jadual berkenaan Prinsip Pergaulan dalam Islam dalam ruangan yang disediakan.

Prinsip Pergaulan Dalam Islam	X
	Memberi panduan berinteraksi
	Mengutamakan keamanan dan keharmonian
	Y
	Bekerjasama dan saling menghormati

11 **X** ialah


☐
☐

12 **Y** ialah

☐
☐

Soalan 13 hingga soalan 15

Lengkapkan carta di bawah dengan pembahagian ibadat khusus.



13 M ialah _____

 1

14 N ialah _____

 1

15 O ialah _____

 1
Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

16 Alaqah merupakan percantuman benih sehingga menjadi seketul darah.

☐
 1

17 Wahyu datang daripada Allah SWT yang kebenarannya bersifat relatif.

☐
 1

18 Pemulihan dalam sistem perundangan Islam adalah bertujuan mendidik pesalah supaya insaf daripada kesalahan.

☐
 1

19 Pengabaian sistem perundangan Islam mewujudkan sistem ekonomi yang haram seperti amalan riba dan rasuah.

☐
 1

20 Cara Islam memelihara akal ialah dengan menyuruh umatnya menuntut ilmu supaya pemikiran berkembang.

☐
 1


BAHAGIAN B
[80 markah]

Jawab **empat** soalan sahaja.

1. (a) (i) Nyatakan maksud Islam sebagai al-Din. (2 markah)
 (ii) Terangkan **dua** tindakan yang boleh anda lakukan untuk merealisasikan Islam sebagai cara hidup. (4 markah)
- (b) (i) Apakah maksud ibadah? (2 markah)
 (ii) Jelaskan **dua** cara meningkatkan kualiti ibadah. (4 markah)

Pekerjaan merupakan kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.

- (c) Jelaskan **dua** sebab Islam menuntut umatnya bekerja. (4 markah)



Ibadah solat yang merupakan salah satu daripada rukun Islam sememangnya akan dapat membentuk murid-murid yang berdisiplin dan menjaga waktu dengan baik.

- (d) Kemukan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. (4 markah)

2. *Manusia memikul amanah yang paling besar sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.*

- (a) (i) Jelaskan maksud hamba. (2 markah)
 (ii) Terangkan akibat mengabaikan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. (2 markah)

Mutakhir ini manusia tidak takut melakukan kemungkaran dan dosa secara terang-terangan malah tanpa segan silu berkongsi perbuatan tersebut dilaman sosial.

- (b) (i) Senaraikan **dua** perkara kemungkaran yang biasa berlaku di sekolah anda. (2 markah)
 (ii) Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya. (4 markah)

Umat Islam mesti berpegang kepada perundangan Islam dalam semua aspek kehidupan untuk memastikan keamanan masyarakat dan negara.

- (c) (i) Nyatakan **dua** asas sistem perundangan Islam. (2 markah)
 (ii) Terangkan **dua** perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan manusia. (4 markah)
 (iii) Terangkan **dua** cara Islam memelihara keturunan. (4 markah)

3. (a) Nyatakan **dua** keistimewaan Sistem Sosial Islam. (2 Markah)

Salah satu matlamat Institusi Kekeluargaan Islam adalah melahirkan generasi yang bertaqwa.

- (b) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah persiapan yang boleh anda lakukan bagi mencapai matlamat tersebut? (6 Markah)
- (c) (i) Nyatakan **dua** adab pergaulan dalam Islam. (2 Markah)
(ii) Jelaskan amalan ta'awun dalam asas pergaulan Islam. (2 Markah)
- (d) (i) Apakah maksud pengurusan dalam Islam? (2 Markah)
(ii) Senaraikan **dua** ciri pentadbir dan pengurus yang baik. (2 Markah)
(iii) Terangkan **dua** kebaikan mentadbir dan mengurus mengikut syariat Islam. (4 Markah)
4. (a) *Rasulullah SAW mempunyai ketinggian akhlak yang terpuji*
(i) Apakah maksud akhlak menurut Islam? (2 Markah)
(ii) Nyatakan **dua** cara penghayatan sifat penyabar dalam diri seseorang. (2 Markah)
- (b) (i) Nyatakan **dua** prinsip 'Alamiyyah menurut Islam. (2 Markah)
(ii) Jelaskan **dua** bukti islam mengamalkan prinsip 'Alamiyyah dalam ajarannya. (4 Markah)
(iii) Terangkan **dua** bukti yang menunjukkan Waqi'iyah dalam muamalat (4 Markah)
- "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar)"*
(Surah An Nisa':29)
- (c) (i) Nyatakan **dua** etika muamalat dalam Islam. (2 Markah)
(ii) Berdasarkan ayat di atas, mengapakah Islam melarang umatnya melakukan perkara tersebut? Berikan hujah anda (4 Markah)
5. (a) (i) Apakah maksud insan? (2 markah)
(ii) Jelaskan **dua** keistimewaan insan berbanding makhluk-makhluk yang lain. (4 markah)
(iii) Huraikan **dua** cara memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah. (4 markah)
- (b) (i) Nyatakan **dua** ciri wahyu. (2 markah)
(ii) Jelaskan **dua** peranan akal dalam kehidupan manusia. (4 markah)
- Saufee suka menyorokkan buku teks Amir bahkan dia berasa gembira melihat raut wajah Amir yang sedih dan risau kerana bimbang kehilangan buku teks yang dipinjamnya dari sekolah.*
- (c) Sekiranya anda sahabat baik Saufee, cadangkan tindakan yang anda boleh lakukan bagi menyedarkan Saufee daripada sikap buruk di atas. (4 markah)

6. *Hiburan dalam Islam merujuk kepada sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan menggembirakan hati seseorang selari dengan kehendak syarak.*

- (a) (i) Nyatakan **tiga** konsep hiburan dalam Islam. (3 Markah)
 (ii) Terangkan **dua** kepentingan adab dan etika hiburan dalam kehidupan (4 Markah)

Islam tidak melarang kesenian selagi tidak melanggar batasan agama dan akhlak.

- (b) (i) Nyatakan **tiga** adab dan etika kesenian menurut Islam. (3 Markah)
 (ii) Jelaskan **dua** jenis kesenian yang dilarang dalam Islam. (4 Markah)

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah rasul (Muhammad SAW) dan para pemimpin kamu"

(Surah al-Nisa' 4 : 59)

- (c) (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab rakyat selain yang dinyatakan dalam ayat di atas. (2 Markah)
 (ii) Pada pandangan anda, apakah yang akan terjadi jika kita mengabaikan suruhan Allah dalam ayat di atas. (4 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT